



SELAMAT HARI JADI... Tiada yang lebih menggembirakan bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad malam tadi selain menyambut hari jadinya yang ke-80 pada majlis penuh warna-warni.

Dalam ucapan ringkas, beliau berkata: "Saya tersentuh dengan majlis yang diadakan malam ini dan saya harap dapat menyambut hari jadi saya lagi tahun depan."

Majlis bertemakan 'Warna-Warna Jutaan Kenangan' itu dianjurkan oleh 80 pertubuhan rakyat Malaysia.

Sebuah lagu *Colours of Million Memories* yang dicipta oleh Datuk Wah Idris khas untuk Dr. Mahathir turut didendangkan.

Majlis yang turut meraikan hari jadi Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang ke-79 itu, dihadiri oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik.

• DR. SITI HASMAH Mohd. Ali menyuap kek kepada Dr. Mahathir Mohamad pada majlis sambutan hari jadi ke-80 beliau di PWTC, Kuala Lumpur malam tadi. — Gambar ZAKI AMIRUDDIN